

Submission date: 8/01/2021

Accepted date: 4/04/2021

**PENAWAR MASALAH PSIKOLOGI WARGA EMAS DARI PERSPEKTIF  
BEDIUZZAMAN SAID NURSI***The Remedy to Psychological Issues Among Elderly from the Perspective of  
Bediuzzaman Said Nursi*Noornajihan Jaafar<sup>a1</sup>, Shah Rizul Izyan Zulkipli<sup>a2</sup>, Jalil Akar<sup>b3</sup><sup>a</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM<sup>b</sup>Felo Penyelidik Institut Sains Islam, USIM<sup>1</sup>noornajihan@usim.edu.my<sup>2</sup>albahanji\_1608@yahoo.com<sup>3</sup>akarcelal@usim.edu.my**Abstract**

Old age is a stage in life that most people fear and are concerned about. The physical, cognitive and psychological deterioration that comes with it often makes the elderly feel depressed, sad, and helpless. However, Bediuzzaman Said Nursi provides a fresh perspective to the thinking for the elderly in dealing with their old age in a contented and relaxed state. The remedy by hope offered by him is aimed at providing the source of strength and healing for senior citizens towards the later stages of their lives. Using the library research method, the results of this study show that the seven elements of hope that Bediuzzaman Said Nursi focused on have the capacity boost faith and allow senior citizens to appreciate that the joy and sweetness of a life based on faith is also an opportunity to worship even towards the end of one's life. As for youth, being aware of the issues related to old age and of the remedy presented by Bediuzzaman Said Nursi, they should utilize their youth by preparing for their future old age. This preparation is none other than that of faith through the truths of the Qur'an.

Key words: elderly, psychology, Bediuzzaman Said Nursi.

### Abstrak

Usia tua merupakan suatu usia yang dibimbangi dan ditakuti oleh manusia. Kemerosotan yang terjadi dari sudut fizikal, kognitif dan juga psikologi sering menjadikan warga emas merasa murung, sedih dan tidak berdaya. Namun begitu, Bediuzzaman Said nursi membawa satu lensa pemikiran yang baru buat warga emas dalam mengharungi usia tua mereka dengan keadaan yang tenang dan bahagia. Penawar dan harapan yang ditonjolkan oleh beliau bertujuan supaya warga emas menjadikan al-Quran sebagai syifa dan kekuatan untuk bersandar ketika di hujung usia. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara perpustakaan sepenuhnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa dengan tujuh harapan yang diketengahkan oleh Bediuzzaman Said Nursi ini mampu meningkatkan keimanan dan menjadikan warga emas berada dalam satu keadaan merasai kemanisan kehidupan dalam iman juga kesempatan dalam ibadah meskipun di hujung usia.

Kata kunci: warga emas, psikologi, Bediuzzaman Said Nursi.

### PENGENALAN

Kebanyakan negara sudah mencapai negara tua kerana faktor bilangan warga emasnya yang ramai. Terdapat 703 juta orang berusia 65 tahun ke atas di dunia pada tahun 2019. Bilangan orang yang lebih tua dianggarkan meningkat dua kali ganda menjadi 1.5 bilion pada tahun 2050. Di peringkat global, bilangan penduduk berusia 65 tahun ke atas meningkat dari 6 peratus pada tahun 1990 menjadi 9 peratus pada tahun 2019. Bilangan itu disasarkan meningkat lebih jauh menjadi 16 peratus pada tahun 2050, sehingga satu dari enam orang di dunia akan berusia 65 tahun atau lebih.

Peningkatan bilangan warga emas serta masalah pengabaian telah menjadi satu cabaran besar kepada negara. Beberapa masalah ini terangkum dari sudut aspek kewangan, sosial, fizikal dan psikologi (Nik Mustapha Nik Hassan, 2015). Malah menurut Sharif (2013), warga emas seakan bakal menjadi liabiliti kepada negara akibat peningkatan kos yang melibatkan keempat-empat aspek tersebut. Perkara ini dibuktikan dengan melalui belanjawan 2021 bahawa, kerajaan telah menganggarkan sejumlah RM 7,500.000 setahun untuk membiayai makan minum dan perubatan penghuni di semua Rumah Seri Kenangan di seluruh Malaysia. Bahkan perbelanjaan ini semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Malaysia kini sedang menuju ke arah negara tua akibat penurunan kadar fertiliti serta peningkatan jangka hayat hidup penduduk. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, pada Julai 2016, sebanyak 6% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah warga emas yang berumur 65 tahun ke atas dan angka ini akan meningkat dalam beberapa dekad yang mendatang (Tengku Aizan et al., 2017). Selain itu, mengikut unjuran penduduk 2010-2040 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penduduk dalam

lingkungan 60-74 tahun dan ke atas yang berjumlah 1.8 juta orang pada tahun 2010 akan meningkat kepada 4.5 juta orang pada tahun 2040. Peningkatan ini hampir 2.5 kali ganda dari jumlah pada tahun 2010. Sementara warga emas yang berumur 75 tahun dan ke atas pula akan bertambah daripada 0.5 juta orang (2010) kepada 1.8 juta orang (2040), yakni peningkatan hampir empat kali ganda dalam tempoh yang sama. Dengan peningkatan ini, Malaysia akan menjadi negara tua menjelang 2035 apabila 15% daripada penduduknya berumur 60 tahun ke atas (Tengku Aizan et al., 2017). Sehubungan itu, Malaysia dilihat tidak mampu berlengah lagi untuk menangani isu-isu berkaitan penuaan penduduk.

Menurut World Assembly on Aging (1982) di Vienna menakrifkan warga emas sebagai mereka yang berusia 60 tahun. Manakala, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkan “negara tua” berdasarkan kepada majoriti jumlah penduduknya. Dikotomi yang digunakan PBB ialah penduduk yang berusia 65 tahun ke atas bagi Negara Maju dan 60 tahun bagi negara sedang membangun. Negara Malaysia masih berada dalam negara membangun dan telah menetapkan usia 60 tahun sebagai usia warga emas (Surina Nayan, 2006; dan Khadijah Alavi, 2011). Berbeza dengan Nor Raudah (2015) yang memberikan takrifan warga emas adalah mereka yang melebihi 65 tahun berdasarkan taraf ekonomi, pendidikan, taraf kesihatan yang lebih baik, kemudahan perubatan yang lebih mantap dan jangka hayat yang lebih panjang berbanding dengan negara yang sedang membangun.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) membahagikan usia warga emas kepada 3 peringkat iaitu peringkat awal tua, peringkat pertengahan tua dan peringkat akhir tua. Warga emas yang berada pada peringkat usia awal tua ialah mereka yang telah berusia 50 tahun hingga 65 tahun serta masih mampu melakukan kerja dan masih boleh menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat. Warga emas yang berada pada peringkat pertengahan usia tua ialah mereka yang berusia 65 tahun hingga 75 tahun. Kebiasaannya mereka ini telah bersara dari sektor pekerjaan dan mempunyai taraf kesihatan yang agak baik serta mampu untuk memperbaiki nasib mereka. Manakala warga emas yang berada pada peringkat usia terlalu tua ialah mereka yang berumur melebihi 75 tahun ke atas. Kebiasaannya takrifan ketiga ini telah nyanyuk, kesihatan yang kurang baik serta kurang memberi sumbangan kepada masyarakat. Secara umumnya, klasifikasi umur tua adalah berbeza mengikut tempat, budaya, masa dan pandangan masyarakat.

Manusia akan mula melalui proses penuaan bermula usia 30 tahun, ini di sebabkan DNA pembaik pulih tidak mampu lagi bekerja se pantas dan secepat dahulu (Zainah Moktar, 2011) Ketidakupayaan yang dihuraikan oleh ulama Islam adalah dari sudut fizikal, pemikiran dan ingatan serta juga emosi iaitu psikologi. Namun ketidakupayaan

tersebut mempunyai pelbagai hikmah dan rahmat yang tersembunyi. Al-Quran membawa penerangan kepada manusia supaya manusia sentiasa memahami dan empati terhadap golongan lemah seperti warga emas. Penghuraian al-Quran secara detail tersebut mengajar manusia supaya sentiasa berhalus dan teliti dalam mengurus warga emas bukan sahaja fizikal, tetapi juga psikologi dan kerohanian mereka.

### **KEMEROSOTAN YANG DI HADAPI OLEH WARGA EMAS**

Secara fitrahnya semasa proses penuaan warga emas akan melalui satu fasa kemerosotan dan kehilangan keupayaan. Kemerosotan yang berlaku adalah dari sudut fizikal, kognitif dan psikologi. Kemerosotan ini perlu kepada bantuan sokongan sosial dari kalangan ahli keluarga dan juga keprihatinan daripada masyarakat. Kemerosotan fizikal seperti pengurangan fungsi deria seperti mata, telinga dan juga oral. Selain itu, tahap kognitif warga emas juga akan berkurangan sekiranya tiada rangsangan otak berlaku. Warga emas akan mudah lupa perkara yang baru dan lebih mengingat perkara yang telah lama berlaku. Hal ini telah dijelaskan dalam al-Quran Surah al-Rum (30: 54) yang bermaksud:

*“Tuhan yang menciptakan kamu dalam keadaan lemah, kemudian dijadikan kamu kuat sesudah lemah, dan kemudiaan dijadikan kamu lemah semula dan beruban sesudah kuat. Tuhan menjadikan apa yang dikehendakiNya, Dia Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa”.*

kemerosotan dari sudut fizikal dan kognitif ini akan memberi kesan kepada psikologi warga emas (Zam Zam et al., 2009; Amran Hasan et al., 2012; Tengku Aizan et al., 2017). Warga emas akan mudah sensitif, memangis, emosi yang mudah berubah, ego dan sebagainya (Seow Ta We dan Shalini, 2014; Suziana & Zuliza, 2020; Zabidi Razak et al., 2016; Surina Nayan, 2004).

Secara dasarnya, kerajaan sudah memenuhi tuntutan biologi serta keperluan asas warga emas seperti makan, tempat tinggal, rawatan kesihatan dan kewangan (Tengku Aizan et al., 2017, Nurhayati Mohamad et al., 2017). Namun, perkara yang paling utama yang menjadi kelompongan adalah penyediaan pendidikan yang berbentuk kerohanian kepada warga emas (Elmi Baharuddin & Zainab Ismail, 2013). Oleh yang demikian, pengukuhan unsur spiritual, kekuatan rohani, elemen kasih sayang dan empati merupakan suatu yang sangat penting dalam mendepani masalah psikologi warga emas.

Selain itu, kebimbangan lain terhadap warga emas adalah peningkatan dari aspek masalah mental. Menurut Yusfaiza (2017), sebanyak 25% daripada warga emas yang berumur lebih 65 tahun dikenalpasti menghidap penyakit mental seperti kemurungan, sindrom *empty nest*, dementia, alzheimer dan sebagainya. Peningkatan ini seolah-olah

tidak menemui jalan penyelesaian apabila warga emas yang di tinggalkan oleh anak-anak ini bukan sahaja tidak mampu dari sudut fizikal malah mempunyai masalah dari sudut mental. Situasi ini memberi bebanan kepada kerajaan kerana permintaan kepada penjaga di pusat jagaan warga emas turut dilaporkan meningkat (Surina Nayan, 2006; Khadijah Alavi, 2017). Kesedihan, kemurungan dan tekanan jika tidak dapat diurus dengan baik menjadi antara punca dan kesan terhadap kesihatan mental kepada warga emas. Kekosongan jiwa dari pengisian nilai-nilai rohani yang luhur menyebabkan manusia hilang ketenangan rohani dan hati.

### **MASALAH PSIKOLOGI DALAM KALANGAN WARGA EMAS**

Elemen psikologi merupakan elemen yang penting dan harus diselami oleh anak dan orang muda dalam menyantuni warga emas. Ini kerana, menurut Seow Ta Wee dan Shalini (2014), perubahan emosi yang berlaku setelah menginjak usia emas adalah kurang keyakinan diri, kekecewaan, kesunyian, sikap rendah diri dan keresahan. Warga emas mudah menjadi lebih sensitif, mementingkan diri, mudah berubah emosi serta degil. Malah menurut nya lagi, warga emas seolah-olah menjadi seperti kanak-kanak yang berusia 2-4 tahun. Hal ini telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran, Surah Yasin (36:68) yang mana Allah SWT menyatakan:

*“Dan barangsiapa yang kami panjangkan umurnya, nescaya kami kembalikan dia kepada keadaan awal kejadiannya (kembali menjadi lemah dan kurang akal, seperti anak kecil). Maka mengapa mereka tidak mengerti?”.*

Dalam hal ini, ahli biologi iaitu Kurt Wolff (1959) telah bersetuju dengan pandangan ahli psikologi iaitu Gitelson yang menjelaskan, warga tua adalah golongan yang mudah terdedah kepada masalah emosi yang kurang stabil yang ditandai dengan beberapa tanda seperti; (1) Pengurangan ingatan peristiwa semasa; (2) Ketajaman ingatan peristiwa lepas terutama semasa kehidupan yang berjaya; (3) Sikap yang tegas sebagai kompensasi aspek rasa tidak selamat; (4) Kemuraman yang melampau kerana rasa tersisih dan keseorangan; (5) Sangat sensitif serta suka merungut dan sikap paranoid; dan (6) Kegelisahan kerana kematian semasa terutamanya kehilangan sanak- saudara.

Dalam memahami perkembangan emosi manusia, Erikson (1963) menghuraikan lapan prinsip perkembangan emosi setiap peringkat individu dari bayi sehingga ke peringkat akhir hayat. Dalam setiap peringkat, terdapat konflik emosi yang spesifik dan sekiranya individu tersebut gagal mengatasi konflik yang di hadapi maka akan membawa kesan kepada masalah penyesuaian psikologikal. Menurut beliau, usia warga emas 60 tahun dan ke atas merupakan fasa peringkat kesepaduan iaitu lawannya adalah putus asa. Pada peringkat ini, seseorang individu akan menjadi lebih bijaksana dan celik akal berkenaan falsafah hidupnya. Apabila dia dapat menunaikan

segala tanggungjawab yang diamanahkan dengan sempurna semasa hidupnya, dia akan mendapat keamanan secara dalaman. Maka, tahap kepercayaan adalah tinggi dan dia gembira melihat perkembangan generasi baru.

Selepas warga emas tersebut membuat refleksi berkaitan kehidupannya samaada kejayaan mahupun kegagalannya mereka akan dapat membuat penilaian berkaitan kehidupan diri sendiri. Sebaliknya, warga emas yang tidak dapat menerima erti kegagalan dalam kehidupan akan merasa putus asa kerana mereka percaya kehidupan sekarang adalah singkat dan tidak ada masa lagi untuk memulakan kembali hidup baru. Individu yang menghadapi konflik dalam peringkat ini adalah mereka yang masih tidak ada falsafah hidup yang kukuh. Ketidakbolehan warga emas dalam menangani sesuatu isu di akhir usia membolehkan mereka berisiko mendapat kemurungan, kesunyian yang akhirnya membawa kepada masalah kesihatan mental. Warga emas yang mengalami kemurungan pada kebiasaannya akan menunjukkan masalah dalam beberapa domain seperti pemberian tumpuan dan perhatian, memori visual, ingatan kerja, fungsi eksekutif atau mempelajari perkara yang baharu (Tengku Aizan et al., 2017).

Al-Quran, Surah al-Nahl (16: 70) Allah SWT menjelaskan bahawa:

*“Di antara kamu ada orang yang disampaikan usia tua bangka, sehingga dia tidak lagi mengetahui sesuatu yang pernah dahulu dia mengetahui”.*

Melihat kepada permasalahan psikologi yang dihadapi oleh warga emas, Bediuzzaman Said Nursi telah membawa satu dimensi pemikiran yang baru mengenai usia tua. Dalam risalah orang tua yang dikarang oleh beliau, penulisan Bediuzzaman Said Nursi dimulai dengan sesalan dan kesedihan yang dialami oleh beliau mengenai usia tua dan kemudian dibawakan penawar dari al-Quran yang berupa cahaya keimanan bagi mengukuhkan kerohanian warga emas. Ini menunjukkan bahawa adalah normal untuk bersedih dengan penuaan yang berlaku namun kesedihan itu perlu di ubati dengan keimanan. Keimanan yang kukuh dan kerohanian yang mantap akan menghasilkan satu kehidupan usia tua yang tenang dan berkualiti.

### **BEDIUZZAMAN SAID NURSI DAN PENULISAN RASAIL AL-NUR**

Bediuzzaman Said Nursi ialah seorang tokoh pendakwah Islam yang masyhur di Turki khususnya. Beliau lahir pada tahun 1877 di Bitlis, Timur Anatolia (sebelum Turki moden) di dalam sebuah keluarga petani dari bangsa Kurdi yang sederhana. Said Nursi anak keempat dari tujuh adik beradik iaitu Durriyyah, Hanim, Abdullah, Said, Muhammad, Abdul Majid dan Marjan. Said Nursi digelar ‘*Badi’ al-Zaman*’ yang bermaksud ‘Kekaguman Zaman’ kerana kemampuan beliau menguasai ilmu-ilmu tradisional agama dan sains moden dalam usia yang terlalu muda. Nama tersebut kekal

sehingga sekarang sebagai seorang tokoh dakwah di Turki (Biro Kajian Ilmiah Altinbasak, 2011).

Rasail al-Nur adalah karya agung Bediuzzaman Said Nursi. Susunan risalah tersebut mengandungi lebih dari 130 tajuk di dalam buku-buku seperti *al-Kalimat*, *al-Maktubat*, *al-Lama'at*, *al-Shu'a'at*, *Isyarat al-I'jaz fi Mazan al-Ijaz*, *al-Mathnawi al-'Arabi al-Nuri*, *Sayqal al-Islam* dan *al-Malahiq*. Tujuan penulisan Rasail al-Nur ialah untuk menyelamatkan iman dengan cara menjelaskan intipati dan hakikat al-Quran terutamanya hujah-hujah berkenaan perkara rumit yang menyentuh ketauhidan kepada Allah SWT, akhirat dan lain lagi. Pada peringkat awal, Rasail al-Nur ditulis dalam bahasa Arab seperti *Isyara al-I'jaz* dan *al-Mathnawi al-'Arabi al-Nuri*. Apabila masyarakat Islam tidak lagi menguasai bahasa Arab, maka Said Nursi menghasilkan karya selepasnya dalam bahasa Turki tetapi menggunakan huruf Arab (Huruf Turki Uthmaniyyah) (Biro Kajian Ilmiah Altinbasak, 2011).

## **PENAWAR MASALAH PSIKOLOGI WARGA EMAS DARI PERSPEKTIF BEDIUZZAMAN SAID NURSI**

Bediuzzaman Said Nursi telah berkongsi dengan para pembaca tentang pengalaman beliau terhadap refleksi perjalanan kehidupannya sebagai seorang warga emas, walaupun ketika itu beliau baru sahaja berumur awal 40-an. Perkongsian ini ditulis dalam kitab *Kilauan Kedua puluh enam* yang merupakan antara koleksi kitab beliau yang dikenali sebagai *Rasail an-nur*. Dalam penulisan tersebut, beliau telah mengutarakan 26 harapan yang berpaksikan lensa keimanan kepada Allah sebagai penawar kepada segala bentuk masalah psikologi yang dialami oleh seseorang warga emas. Di sini penulis hanya menganalisis tujuh daripada 26 harapan tersebut. Setiap harapan memberikan penawar bagi masalah psikologi yang dialami oleh warga emas dalam bentuk lensa keimanan terhadap sesuatu situasi perjalanan kehidupan yang direnungkan.

### **Harapan Pertama:**

Keimanan kepada Allah merupakan asas kepada segala harapan bagi warga emas. Pandangan iman akan mengubah lensa seseorang warga emas dalam menanggapi emosi yang sedang dialami seperti rasa lemah tidak berdaya, sunyi, takut dengan perpisahan, kekecewaan, rasa bersalah, penyesalan dan lain-lain emosi lagi.

### **Harapan Ke dua :**

Kebarangkalian warga emas yang sedang meniti penghujung usia tersentak dengan waktu penghujung itu. Mereka seakan tersedar bahawa kehidupan sudah semakin hampir ke penghujungnya. Kekuatan fizikal dan mental juga semakin menurun. Namun, dengan keyakinan terhadap rahmat *al-Khaliq al-Rahim* yang tidak pernah

putus terhadap makhluk-makhluk yang lemah menghapuskan kekusaran tersebut. Kata beliau dalam Kilau Ke-26:

“Ya, wahai warga tua sepertiku! Rahmat *al-Khaliq ar-Rahim* kita yang memperkenalkan diri-Nya melalui sifat *al-Rahman al-Rahim* di seratus tempat di dalam al-Quran al-Hakim; sentiasa menghantar rahmatNya untuk membantu makhluk-makhluk bernyawa yang meminta belas di atas muka bumi; memenuhi musim bunga dengan nikmat dan hadiah yang tidak terkira setiap tahun dari alam ghaib lalu memberikannya kepada kita semua yang berhajat kepada rezeki dan yang memperlihatkan lebih banyak tajalli rahmatNya berdasarkan kepada tahap kedaifan dan kelemahan ialah harapan yang paling besar dan cahaya yang paling terang di dalam ketuaan kita.”

Maka, bagi meraih rahmat Allah ini adalah dengan persandaran kepada Allah dan mentaati segala kefarduanNya.

### **Harapan Ketiga:**

Tanggapan bahawa kehidupan ini akan tamat dengan tertutupnya mata kita meninggalkan dunia ini adalah suatu tipu daya. Hakikatnya, perpindahan roh ke alam barzakh merupakan pintu untuk ke negeri kekal abadi. Ia juga pintu untuk bertemu dengan para shuhada’, para solihin dan khususnya junjungan besar Nabi kita yang mulia, Nabi Muhammad SAW. Kata Badiuzzaman Said Nursi:

“Tetapi negara barzakh yang kelihatan ada perpisahan dan gelap kepada kita melalui kegelapan dan tanggapan-tanggapan yang datang daripada kelalaian dan sebahagiannya juga daripada golongan yang sesat, sebenarnya adalah tempat perhimpunan para kekasih. Ia adalah alam untuk kita berjumpa semula dengan yang pertamanya pemberi syafaat kita iaitu baginda Habibullah Sollallahu ‘Alaihi wa Sallam dan semua sahabat kita.”

Maka, bagi meraih syafaat Nabi SAW di akhirat nanti adalah dengan mengikut sunnah-sunnahnya.

### **Harapan Keempat:**

Emosi penyesalan, berputus asa dan kecewa dengan kehidupan silam adalah antara gangguan emosi yang dialami oleh warga emas. Namun, dengan adanya al-Quran sebagai kitab panduan, penawar, petunjuk dan sumber cahaya ketenangan, gangguan emosi tersebut dapat diatasi. Ujar beliau:

“Memandangkan al-Quran yang di tangan kita ini adalah kalam dan firman yang datang dari noktah *Rububiyah* mutlak *al-Khaliq Dzul Jalal* langit dan bumi, dari



sudut keagungan *Uluhiyyah* dan dari sisi keluasan rahmat. Ia juga adalah satu sumber rahmatNya. Maka berpegang teguhlah dengannya. Di dalamnya terdapat penawar bagi setiap penyakit, cahaya bagi setiap kegelapan dan harapan bagi setiap keputusasaan.”

Maka, bagi menjadikan al-Quran sebagai sumber cahaya ketenangan dan ubat kepada penyesalan dan keputusasaan, hendaklah kita khususnya warga emas, memperbanyak membaca al-Quran dan mentadabburi setiap ayat-ayatnya. Padanya ada ganjaran berbentuk pahala dan ketenangan dengan mengetahui akan kebenaran-kebenaran daripada Pencipta (Allah SWT).

### **Harapan Kelima:**

Lazimnya warga emas akan dihantui dengan perasaan takut akan perpisahan dengan mereka yang tersayang di dunia ini seperti suami atau isteri, ibu ayah, anak pinak dan adik beradik, saudara mara serta teman akrab. Namun, dengan keyakinan bahawa Akhirat itu adalah negeri yang kekal abadi. Kehidupan di sana adalah lebih membahagiakan bagi mereka yang beriman. Mereka sudah terlepas dari penat jerih kehidupan dunia yang penuh dengan ujar dan cabaran. Ujar beliau:

“Ya, wahai saudara-saudari yang tua sepertiku! Memandangkan akhirat ada dan memandangkan ia adalah baqa’, memandangkan ia lebih indah daripada dunia dan memandangkan Dzat yang menjadikan kita adalah al-Hakim dan ar-Rahim, maka kita sepatutnya tidak mengadu dan bersedih dengan usia tua. Sebaliknya kita patut berasa gembira dengan usia tua dari sudut ia adalah satu alamat bagi kemasukan (kita) ke dalam umur kesempurnaan dalam ibadah melalui keimanan dan pemergian (kita) ke alam rahmat untuk berehat melalui perlepasan daripada tugas kehidupan.”

Maka, bagi warga emas yang mendambakan kehidupan yang kekal abadi, hanya dengan keimanan akan membawa kepada pengharapan dan ketenangan.

### **Harapan Keenam:**

Selain dengan kesedihan untuk berpisah dengan kehidupan dunia, fenomena hari ini dengan anak-anak sibuk dengan kerjaya masing-masing, ada di kalangan warga emas yang merasa kesunyian walaupun tinggal serumah bersama anak-anak. Terdapat juga segelintir yang kurang bernasib baik, ditinggalkan anak-anak di rumah orang-orang tua. Dalam hal ini, warga emas yang anak-anaknya sudah besar dan mempunyai keluarga dan kerjaya sendiri, sudah tentu mereka berasa kesunyian. Namun, dengan keyakinan bahawa Allah itu sentiasa ada bersamanya. Allah menghantarkan malaikat hafazah untuk menjaga mereka. Allah SWT menciptakan segala di langit dan di bumi untuk untuk kegunaan manusia. Apabila seseorang warga emas meyakini akan hal ini, secara hakikatnya mereka tidak merasa sunyi kerana seluruh alam ini yang terdiri

daripada binatang, tumbuh-tumbuhan, angin, awan, dan lain-lain merupakan penemannya. Ujar Bediuzzaman Sid Nursi:

“Ya, wahai warga tua lelaki dan perempuan! Memandangkan *al-Khaliq* kita yang *ar-Rahim* ada, maka tidak akan ada keterasingan untuk kita. Memandangkan Dia ada maka semuanya ada untuk kita. Memandangkan Dia ada, maka para malaikat-Nya juga ada. Oleh itu, (maknya) dunia ini tidak kosong. Gunung-ganang yang sepi, padang-padang pasir yang tandus adalah penuh dengan hamba-hamba *Al-Haqq Subhanahu wa Ta‘ala*. Selain daripada hamba-hamba-Nya yang berakal, dengan cahaya-Nya, dengan perhitungan-Nya, batu dan pohon-Nya juga adalah ibarat teman-teman yang mesra. Makhluk-makhluk itu boleh berbicara dengan kita melalui *lisan al-hal* mereka dan menghiburkan kita.”.

Keimanan kepada Allah merupakan penawar kepada rasa keterasingan dan kesunyiaan semasa usia emas ini. Maka, perlulah setiap individu mempersiapkan diri dengan keimanan kepada Allah dengan sebenar-benar iman agak kelak apabila masuk ke usia emas, hidup tidak terasa sunyi dan terasing. Apabila Allah ada di dalam hati maka segalanya ada bagi kita.

### **Harapan Ketujuh:**

Seringkali juga warga emas dihantui perasaan rasa bersalah dengan kehidupan yang lepas. Setelah menyedari masa untuk mereka sudah semakin suntuk, penyesalan demi penyesalan ini mengundang masalah emosi yang lebih teruk seperti depresi. Namun, dengan adanya bekalan kefahaman terhadap kebenaran al-Quran membuatkan seseorang warga emas itu meyakini bahawa apa yang telah dilalui sepanjang kehidupannya itu bukanlah sesuatu yang sia-sia. Keimanan kepada Allah maha penerima taubat, berupaya menukar kesalahan-kesalahan lampau kepada bentuk-bentuk amal kebajikan. Taubat ini merupakan usaha kecil (*juzu’ ikhtiyar*) yang mampu dilakukan oleh warga emas. Namun, nilainya menjaga dimensi masa lampau dan masa akan datang. Ujar Bediuzzaman Said Nursi:

“Malah, keimanan memberi *wasikah* (surat sokongan) kepada tangan jujuk ikhtiyari itu untuk ia bersandar kepada kuasa yang tidak berpenghujung dan berlindung kepada rahmat yang tidak bersempadan menghadapi musuh dan kegelapan yang tiada batasan itu sebagai gantian kepada jujuk ikhtiyari juz’i yang memiliki usaha (al-kasb) yang sangat kecil di tangannya itu. Bahkan keimanan itu sendiri yang menjadi *wasikah* di tangan jujuk ikhtiyari itu. Sedangkan jujuk ikhtiyari yang merupakan senjata insan itu pada hakikatnya adalah lemah, terbatas dan kurang. Namun, sebagaimana seorang askar dapat melakukan kerja- kerja yang ribuan kali ganda di luar keupayaannya apabila menggunakan kekuatannya yang juz’i itu atas nama kerajaan, maka demikianlah juga sekiranya jujuk ikhtiyari yang kecil itu digunakan di jalan *al-Haqq*

*Subhanahu wa Taala* dan atas nama-Nya dengan rahsia keimanan, ia juga boleh memperoleh syurga seluas lima ratus tahun.:

Apabila mengetahui hakikat ini, seseorang warga emas akan memilih untuk bertaubat dalam setiap penyesalan terhadap kesalahan yang pernah dilakukan daripada terus berada dalam keadaan berduka penuh penyesalan.”

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, meskipun kelemahan demi kelemahan yang dilalui oleh warga emas, namun kesemua kelemahan itu terdapatnya hikmah yang besar yang harus disingkap oleh setiap warga emas. Walaupun Bediuzzaman Said Nursi mengiktiraf perasaan sayu dan sedih setelah memasuki usia tua, namun beliau mendatangkan penawar bagi kesedihan tersebut dengan bergantung sepenuhnya kepada ajaran dan kebenaran al-Quran dan Sunnah dalam menghilangkan rasa takut, bersalah, kesunyian dan sebagainya. Pergantungan diri sepenuhnya kepada Allah akan membuatkan warga emas merasa lebih bahagia berbanding dengan bergantung kepada kekuatan diri sendiri dan bantuan orang lain. Oleh yang demikian, beliau menyeru agar warga emas sentiasa mendampingi al-Quran, mentadabbur setiap ayat-ayat al-Quran, mentafakkuri alam ciptaan Allah yang sangat indah dan unik supaya ia menjadi penawar kepada masalah psikologi yang di alami oleh warga emas. Bagi para pemuda pula, dengan mengetahui hakikat usia tua dengan perkongsiaan penawar oleh Bediuzzaman Said Nursi, seharusnya para pemuda memanfaatkan masa muda mereka dengan mempersiapkan diri untuk menghadapi situasi hari tua kelak. Persiapan ini tidak lain tidak bukan, iaitu dengan persiapan iman melalui kebenaran al-Quran. Hal ini telah pun dijelaskan hakikatnya dalam al-Quran Surah al-Fatir (36: 37) yang mana Allah SWT berfirman yang bermaksud: “ *Bukankah kami telah memberikan umur yang cukup, di mana setiap orang yang mahu mengingat sudah dapat mengambil peringatan (dari al-Quran), dan sudah pula tiba kepada kamu orang yang memberikan peringatan (Nabi SAW)*”.

## **RUJUKAN**

- Biro Kajian Ilmiah Altinbasak. (2011). *Badiuzzaman dan dakwah risalah an-*. Istanbul: Hayrat Publication.
- Badiuzaman Said Nursi.(2011). *Al-Lamaat*. Tahkik ihsan qasih as-sahlihi. Cet. 6. Kaherah: Sozler.
- Elmi Baharuddin, & Zainab Ismail. (2013). *Hubungan kecerdasan rohaniah warga tua dengan amalan agama di rumah kebajikan. Islamiyyat*, 35(1), 19–28.
- Elmi Baharuddin.(2013). *Kecerdasan ruhaniah dan amalan agama warga tua di rumah kebajikan*. Thesis Phd, Bangi : UKM

- Erikson, E. (1963). *Childhood and society* (Second Edition). New York: W.W. Norton.
- Hassan, A., Yusoooff, F., & Alavi, K. (2012). *Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan (A healthy family generates prosperous community: An overview)*. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5), 51–63.
- Khadijah Alavi, & Maizatul Haizan Mahbob. (2017). *Komunikasi berkesan dengan warga emas : Dari perspektif intervensi kerja sosial*. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 33(4), 21–37.
- Kurt Wolff, M.D. (1959). *The biology, sociological and psychological aspects of aging*. Westport: Greenwood Press, Publishers.
- Laman Khas Belanjawan 2021, di akses 16 april 2021” Kementerian Pembangunan Wanita Dan Masyarakat,” <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/index.php/ms/ap-2021>.
- Nayan, S. (2006). *Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas*. *Jurnal Intelek*, 4(1), 95-105.
- Nik Mustapha Nik Hassan. (2015). “*Cabaran negara tangani masyarakat warga tua*”. *Malayskini Berita*. Malaysia. 3 April. p 3-5.
- Nor Raudah Siren. (2015). *Psikologi dan penerimaan warga emas di kompleks Warga Emas Al-Jenderami*. Universiti Malaya.
- Mohamad, N., Alavi, K., Mohamad, M. S., & Mohamad Aun, N. S. (2017). *Pengalaman Sokongan Sosial Intergenerasi dalam Kalangan Warga Emas di Institusi Kebajikan Awam*. *Akademika*, 87(01), 65–74. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-05>
- Seow Ta Wee & Shalini Sanmargaraja. (2014). *Isu penuaan dan fasiliti di rumah orang tua*. Johor. Penerbit: UTHM.
- Sharif, N. C., Alavi, K., Subramaniam, P., & Zamani, Z. A. (2013). *Pengalaman dan faktor pengabaian warga emas dalam komuniti (Experiences and factors of negligence among elderly in community)*. *Journal of CSocial Sciences and Humanities*, 53(9), 1689–1699.
- Surina Nayan.( 2006). *Keperihatinan yang luntur terhadap warga emas*. *Jurnal Intelek*, 4(1). pp. 95-105.
- Nayan, S. (2006). *Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas*. *Jurnal Intelek*, 4(1).
- Tengku Aizan Hamid Jariah Masud, Rahimah Ibrahim, Syamilah Zakaria Afida Mastura Muhammad Arif, Lucy Sebli Seidelson, Nur Syazwani Mazlan, Asmidawati Ashari. (2017). *Laporan Akhir Kajian*

Kemudahan Dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Menjelang 2030, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

- Yusfaiza Ibrahim. (2017). *Sindrom Empty Nest Dikalangan Warga Emas*. Semakan Akhir: 16 Januari 2017. <http://www.Myhealth.Gov.My/Sindrom-Empty-Nest>.
- Zamzam, R., Thambu, M., Midin, M., Omar, K., & Kaur, P. (2009). *Psychiatric morbidity among adult patients in a semi-urban primary care setting in Malaysia*. *International Journal of Mental Health Systems*, 3(1), 13.
- Zabidi, A., Razak, A.D.( 2016). *Pembangunan Insan Yang Berterusan: Asas Inisiatif Pembinaan Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Warga Emas* Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016, 1055–1069.
- Zainah Moktar.2011. *Awet Muda 7 Rahsia Kesihatan Holistik*.Universti Teknologi Malaysia. ms.19.